

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.11.2017**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai sebenar projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dari mana stesen bermulanya dan berapakah pinjaman yang diambil untuk membiayai projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional yang melibatkan pembinaan landasan kereta api sepanjang 688km bermula dari Tumpat, Kelantan dan berakhir di Pelabuhan Klang. Projek yang menghubungkan dua koridor utama ekonomi negara ini melibatkan dua fasa pembinaan iaitu Fasa Pertama di antara *Integrated Transport Terminal Gombak (ITT Gombak)*, Selangor

ke Tumpat, Kelantan dan Fasa Kedua yang bermula dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Malaysia Rail Link (MRL), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan DiPerbadankan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung suku kedua tahun 2024.

Perjanjian Kontrak Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (Kontrak EPCC) telah dimuktamadkan bagi Fasa Pertama yang bernilai RM46 bilion pada 1 November 2016 untuk pembinaan landasan sejauh 600.3km di antara Tumpat dan ITT Gombak. Manakala perjanjian bagi Fasa Kedua telah ditandatangani pada 13 Mei 2017 dengan nilai RM9 bilion bagi jarak 88km di antara Gombak ke Pelabuhan Klang pula yang menjadikan jumlah keseluruhan kontrak sebanyak RM55 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek ECRL dibiayai dengan Jaminan Kerajaan melalui Pinjaman Mudah (*Soft Loan*) daripada China EXIM Bank merangkumi 85% daripada jumlah pembiayaan manakala baki 15% lagi dibiayai melalui program sukuk atau bon yang diuruskan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Struktur pembiayaan ini akan menjimatkan kos pembiayaan syarikat melalui kadar faedah/kupon pinjaman mudah yang kompetitif manakala kupon untuk

terbitan sukuk atau bon tempatan pula akan ditentukan berdasarkan pasaran semasa.